



Tarikh : 05/07/2020

KENYATAAN SEBUTHARGA
(TAWARAN KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Tanah Merah serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Bil.	Tajuk Kerja	Taraf / Jenis Syarikat	Kelas	Kepala / Sub Kepala	Tarikh Tutup
1	KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN UNTUK SIMPANAN FAIL DAN GERAN UNIT PENDAFTARAN DI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH <i>No. Sebutharga: PJTM (P) 417 / 37 / SH1 / 2020</i>	Khas Bumiputera	G1	B 04 , B 24	19/07/2020 (AHAD)
2	KERJA-KERJA PEMBAIKIAN DAN BAIKPULIH PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH <i>No. Sebutharga: PJTM (P) 417 / 37 / SH2 / 2020</i>	Khas Bumiputera	G1	B 04 , B 24	19/07/2020 (AHAD)
3	MENYELENGGARA JALAN KELEWEK KE REPOH JAGUNG, DUN BUKIT PANAU, TANAH MERAH, KELANTAN <i>No. Sebutharga: PJTM (P) 103 / 3 / SH1 / 2020</i>	Khas Bumiputera	G1	CE 01	19/07/2020 (AHAD)

2. Pendaftaran kontraktor adalah melalui atas talian dengan membuat pendaftaran di laman web Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iaitu <http://www.ptjtm.kelantan.gov.my>. Taklimat projek serta skop kerja Sebutharga boleh diperolehi menerusi capaian tersebut bermula pada **07/07/2020 jam 12.01 pagi hingga 08/07/2020 jam 11.59 malam**. Pendaftaran sebelum dan selepas tarikh serta masa yang ditetapkan **TIDAK** akan diterima. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**.
3. Hanya kontraktor yang membuat pendaftaran dan memenuhi kriteria sahaja layak untuk membeli dokumen sebutharga. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada penama syarikat dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (***Sila bawa bersama Sijil Asal semasa pembelian dokumen**).
4. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran berjumlah **RM 30.00 (Ringgit : Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** setiap Sebutharga kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah bermula **12/07/2020**.
5. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang ditulis Nombor Sebutharga, Nama Sebutharga serta tarikh tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga selewatnya pada **19/07/2020 sebelum 12.00 tengahari** di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT ****
**** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ****

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD ANIS BIN HUSSEIN)
KETUA JAJAHAN
TANAH MERAH

s.k : Fail - Sebutharga